

PENGLIBATAN NELAYAN PROVINSI SULAWESI SELATAN DAN PROVINSI SULAWESI TENGGARA DALAM PERUSAHAAN PERIKANAN KOMERSIAL DI SABAH

*(THE INVOLVEMENT OF SOUTH AND SOUTHEAST SULAWESI FISHERMEN
IN SABAH'S COMMERCIAL FISHERY)*

Mohammad Raduan bin Mohd Ariff,
University of Malaya (mraduan@um.edu.my)

Mohammad 'Azzam Manan
LIPI, Indonesia (azam1958@yahoo.com)

Mohammad Sharir Mohammad Raduan
University of Malaya (pirerpix@yahoo.com)

Abstract

Sabah is a seafront state located on the west side of the South China Sea and surrounded by the Sulu and Sulawesi Seas on its east. These seas contain rich sources of varied maritime products. However, these sources have not been fully exploited. The maximum sustainable yield of Sabah's commercial fishery has not been achieved due to problems investors faced in obtaining labour that would enable further development of fishery in Sabah. Local fishermen of Sabah are mainly involved in small scale fishing, which is known as artisan fishing. The lack of local involvement in commercial fishery that uses up to date technology such as fishing trawlers and purse seine techniques have resulted in investors' continued reliance on foreign fishermen from Sulawesi, Indonesia. This paper discusses the position and development of fishery in South Sulawesi in view of the effects migration has had on Sulawesi's fishermen to the east coasts of Sabah. This discussion will then be followed by the rationale behind the recruitment of Sulawesi's fishermen into commercial fishery, the migration patterns of these fishermen and the features of Sulawesi's labour involvement in Sabah's commercial fishery.

Keywords: Commercial fisheries, maritime product, small scale, fishing trawlers, Sulawesi's fishermen, Sabah.

Pengenalan

Sejak Sabah merdeka 1963 hingga ke dekad terakhir abad ke 20, penglibatan buruh perikanan asing dari Thailand, Filipina dan Indonesia dalam perusahaan perikanan laut di negeri itu telah meningkat dengan pesat seiring dengan peningkatan dalam bilangan bot pukat tunda dan pukat jerut. Taikong Thai sangat diminati oleh golongan pemodal kerana kemahiran mereka dalam mengoperasikan bot dan perkakas perikanan moden pukat tunda mahupun pukat jerut.¹ Bagaimanapun, akibat ketidaksamaan dari segi budaya dan adat resam, bilangan mereka semakin hari semakin berkurangan. Sejak dekad terakhir abad ke 20 sehingga tahun 2000, peranan mereka telah digantikan sepenuhnya oleh buruh perikanan Filipina dan Indonesia. Perkembangan terkini memperlihatkan buruh perikanan Filipina semakin berkurangan kerana ramai daripada mereka telah menceburkan diri dalam sektor ekonomi daratan seperti pertanian, pembinaan, pengangkutan awam dan lain-lain. Ini disebabkan kerja-kerja di daratan gajinya lebih pasti, dan pada masa yang sama golongan pemodal di Sabah mulai mengurangkan pengambilan buruh perikanan Filipina disebabkan kebanyakan mereka mempunyai sikap yang mudah memberontak. Lanjutan daripada itu, golongan pemodal lebih cenderung mengambil lebih ramai buruh perikanan Indonesia, yang dianggap mereka dapat bekerjasama kerana tidak sukakan berbantah-bantah dan rajin bekerja.

Pada tahun 2007 mengikut Laporan Tahunan Perikanan, dianggarkan seramai 8,532 orang buruh perikanan asing bekerja di 1,422 buah bot pukat tunda dan seramai 3,999 orang bekerja di 222 buah bot pukat jerut di Sabah. Buruh perikanan dari Indonesia yang bekerja di Sabah, terdiri daripada buruh perikanan Bugis yang berasal dari Provinsi Sulawesi Selatan dan buruh perikanan Buton dari Provinsi Sulawesi Tenggara.

Cara Kemasukan Buruh Perikanan Indonesia Ke Sabah

Buruh perikanan Indonesia masuk ke Sabah secara sah dan tidak sah. Didapati tiga cara kemasukan buruh perikanan asing Indonesia ke Sabah. Majoriti responden buruh perikanan Indonesia (470 orang atau 83.93%) masuk secara sah, sementara seramai 23 orang 4.10 peratus menyeberangi sempadan Indonesia-Sabah, terutamanya di Pulau Sebatik, dan 67 orang atau 11.96 peratus masuk dengan pas lawatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Sabah, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah. Pas lawatan Jabatan Kastam yang diberikan kepada pendatang asing dari Indonesia bertujuan untuk membolehkan mereka melakukan aktiviti pertukaran perdagangan di Sabah (Tawau). Pas lawatan tersebut sah selama tiga hari sahaja, dikira sejak hari pertama kemasukan. Walau bagaimanapun, realitinya mereka bukan menjalankan aktiviti pertukaran barangan seperti mana yang dimaksudkan. Sebaliknya, mereka menjalankan operasi pengeluaran sumber ikan sebagai buruh perikanan asing di bot-bot pukat tunda di perairan laut zon Tawau dan perairan Indonesia di sekitar kawasan Sungai Nyamuk, Nunukan dan Tarakan.

Pemilihan memasuki Sabah secara sah dipengaruhi oleh pemberitaan media yang menyatakan ramai buruh asing yang masuk secara tidak sah telah disiasat oleh pihak kerajaan Negeri Sabah, dan dihantar balik ke negara asal mereka. Malahan, terdapat pendatang asing tanpa izin disebabkan tempoh sah tinggal di Sabah telah tamat dipenjarakan bagi tempoh tertentu mengikut jenis kesalahan.

Jadual 1: Taburan Responden Tentang Sifat Kemasukan Buruh Perikanan Indonesia ke Sabah Mengikut Tempat Asal

N=560

Daerah Perikanan	Dokumen Kemasukan	Tempat Asal Buruh Perikanan Indonesia					Jumlah
		Sulawesi Selatan	Sulawesi Tenggara	Jawa	Flores	Kalimantan	
Kota Kinabalu	1	65	47	1	-	-	113
	2	1	1	-	-	-	2
	3	-	-	-	-	-	-
Jumlah kecil		66	48	1	-	-	115
Sandakan	1	45	170	-	-	-	215
	2	2	13	-	-	-	15
	3	-	1	-	-	-	1
Jumlah kecil		47	184	-	-	-	231
T a w a u	1	17	23	-	1	-	41
	2	4	5	-	-	-	9
	3	32	28	-	-	1	61
Jumlah kecil		53	56	-	1	1	111
Semporna	1	4	25	-	-	-	29
	2	-	-	-	-	-	-
	3	-	6	-	-	-	6
Jumlah kecil		4	31	-	-	-	35
K u d a t	1	-	68	-	-	-	68
	2	-	-	-	-	-	-
	3	-	-	-	-	-	-
Jumlah kecil		-	68	-	-	-	68
Jumlah Besar		170	387	1	1	1	560

Sumber: Data Kaji Selidik

Nota: 1=Dokumen perjalanan yang sah
2=Menyeberang sempadan laut, Sabah-Indonesia
3= Menggunakan dokumen lain/pas lawatan

Kos yang dikeluarkan oleh buruh perikanan asing bagi kemasukan secara sah sememangnya tinggi. Mereka terpaksa menyediakan wang sebanyak RM280.00 (Rp700,000) untuk membuat pasport di Indonesia; sebanyak Rp38,000.00 untuk visa kunjungan sosial (*sosial visit visa*); dan Rp300.00 bagi membeli borang permohonan visa berkenaan. Sementara itu pihak majikan pukut tunda dan pukut

jerut di Sabah pada amnya akan mengeluarkan RM1,500.00 hingga RM1,700.00 bagi kemasukan seorang buruh perikanan asing yang diuruskan oleh agensi buruh asing atau agensi pekerjaan yang rasmi. Selain daripada itu buruh perikanan asing juga dikenakan bayaran tidak rasmi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab. Semua kos tersebut perlu dibayar oleh buruh perikanan asing kepada majikan dengan cara menolak sebahagian daripada pendapatan bulanan mereka.

Ramai buruh perikanan Indonesia memilih masuk secara sah kerana dengan berbuat demikian dapat dielakkan daripada ditangkap dan dihantar pulang ke tempat asal, mengelakkan sebarang tindakan eksploitasi seperti yang dilakukan oleh golongan pemodal yang mengupah buruh perikanan asing haram dengan gaji yang rendah; membolehkan mereka sampai ke destinasi dengan selamat dan dapat bekerja dalam keadaan tenang.

Kaedah Kedatangan Buruh Perikanan Indonesia

Buruh perikanan Bugis Bone akan memulakan perjalanan mereka dengan bas menuju Pelabuhan Pare-pare yang dianggarkan memakan masa lebih kurang lima hingga enam jam. Dari Pelabuhan Pare-pare, perjalanan diteruskan ke Pelabuhan Tarakan di Kalimantan Timur dengan kapal laut yang dikhususkan bagi penumpang, memakan masa selama dua hari dan dua malam. Perjalanan kemudian dilanjutkan menuju Pelabuhan Tawau dengan bot laju selama sekitar tiga jam dengan kadar tambang Rp180,000.00. Perjalanan dari Bone ke Tawau menghabiskan belanja perjalanan lebih kurang Rp600,000.00 hingga Rp700,000.00.

Sementara itu, buruh perikanan Bugis Moros akan memulakan perjalanan mereka menuju Makassar dengan bas pengangkutan awam sejauh lebih kurang 43 kilometer dengan kadar tambang Rp5,000.00. Dari Pelabuhan Makassar, perjalanan diteruskan dengan kapal laut menuju Pelabuhan Nunukan di Kalimantan Timur dengan kadar tambang Rp200,000.00, dan seterusnya menuju Pelabuhan Tawau dengan kadar tambang Rp70,000.00.

Buruh perikanan Buton yang berasal dari Wangi-wangi dan Kaledupa memulakan perjalanan menuju Sabah melalui Bau-bau, iaitu ibu kota Kabupaten Buton, dengan feri selama lebih kurang tujuh jam. Dari sini perjalanan diteruskan menuju Pelabuhan Makassar. Ada kalanya perjalanan dari Wangi-wangi mengambil laluan yang panjang terus ke ibu kota Provinsi di Kendari dengan feri selama sekitar lapan jam. Dari sini perjalanan diteruskan ke Pare-pare dengan perjalanan darat selama sekitar 24 jam. Dari Pare-pare perjalanan diteruskan dengan kapal laut menuju Pelabuhan Nunukan atau Tarakan dan seterusnya ke Pelabuhan Tawau.

Pelabuhan Tawau merupakan satu-satunya tempat kemasukan menuju Sabah bagi buruh perikanan yang berasal dari kawasan timur Indonesia. Dari pelabuhan tersebut buruh perikanan Indonesia meneruskan perjalanan dengan bas ke daerah-daerah perikanan yang dituju. Kadar bayaran tambang pengangkutan awam menuju Semporna dengan van atau bas ialah RM10.00, ke Sandakan RM30.00 dan ke Kota Kinabalu RM50.00. Sementara itu tambang bas atau van dari Kota Kinabalu ke Kudat adalah RM20.00.

Dari segi bilangan, buruh perikanan Indonesia datang buat pertama kali secara berkumpulan dengan kawan-kawan yang sama-sama mencari pekerjaan dalam sektor perikanan. Kawasan tempat asal yang begitu jauh seperti digambarkan di atas menyebabkan mereka tidak mungkin datang sendiri. Sesetengah mereka datang bersama kawan-kawan yang telah bekerja berdasarkan permintaan majikan.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Buruh Perikanan Indonesia Berhijrah ke Sabah

Kemiskinan merupakan antara faktor penolak yang bersifat tetap dalam mendorong buruh perikanan Indonesia untuk berhijrah ke Sabah. Seperti yang diketahui umum, krisis ekonomi yang melanda Asia pada tahun 1997/1998 telah memainkan peranan penting dalam pemergian secara besar-besaran pekerja-pekerja Indonesia ke luar negara disebabkan kekerasan ekonomi, pengangguran dan kemiskinan di dalam negara (Mohd Yaakub Haji Djohari, 2002). Seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 kemahuan untuk mendapatkan kehidupan yang lebih, memandangkan keperitan hidup di tempat asal telah mendorong majoriti responden buruh perikanan Indonesia berhijrah ke Sabah. Hal ini ditandakan dengan kemiskinan yang disebabkan oleh peluang ekonomi yang terhad, merupakan faktor kedua yang utama mempengaruhi 174 orang (31.1 peratus) responden buruh perikanan Indonesia berhijrah ke Sabah.

Jadual 2: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Buruh Perikanan Indonesia untuk Berhijrah Ke Sabah

Negara Asal	1		2		3		4		5		Jumlah	
Buruh Indonesia	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Jangkaan mendapat kehidupan yang lebih baik	52	45.2	81	35.1	48	42.5	9	25.7	26	38.6	216	38.6
Hampir dari tempat asal/jimat kos	17	14.8	43	18.6	21	18.6	3	8.6	8	12.1	92	16.4
Sabah perlu buruh asing	11	9.6	27	11.7	14	12.4	10	28.6	10	15.2	72	12.9
Peluang Ekonomi di tempat asal terhad	35	30.4	77	33.3	27	23.9	13	37.1	22	33.3	174	31.1
Mencari pengalaman	-	-	3	1.3	3	2.7	-	-	-	-	6	1.1
Jumlah	115	100.0	231	100.0	113	100.0	35	100.0	66	100.0	560	100.0

Sumber: Kajian lapangan

Usaha membangunkan ekonomi di tempat asal bagi buruh perikanan Buton telah dibatasi oleh keadaan alam sekitar yang gersang. Pim Schoorl (2003) mengatakan, daerah Buton tidak pernah makmur. Pertanian tidak dapat berkembang dengan baik kerana keadaan tanahnya. Sementara itu, perusahaan perikanan yang dijalankan masyarakat di kawasan persekitaran perairan laut berhampiran tempat tinggal mereka baru merupakan aktiviti untuk kepentingan sara diri sahaja. Aktiviti perikanan pada amnya diusahakan sendiri oleh pemilik bot dan ahli keluarga mereka. Keadaan yang sedemikian menyebabkan peluang untuk menjadi buruh perikanan di tempat sendiri menjadi sempit (Pim Schoorl, 2003).

Aspek sosiobudaya di tempat asal juga berperanan dalam mempengaruhi buruh perikanan untuk berhijrah ke Sabah. Aspek sosiobudaya dalam hal ini termasuklah sokongan masyarakat terhadap tindakan penghijrahan yang dilakukan. Warga setempat memandang negatif terhadap belia yang tidak berani melakukan penghijrahan. Bagaimanapun, perkara yang lebih menonjol tempat asal mereka yang terletak di luar bandar sememangnya tidak menyediakan bidang pekerjaan yang pelbagai bagi warganya selain sektor pertanian. Kesempatan untuk mendapatkan pekerjaan di kawasan bandar sukar untuk mereka peroleh, akibat faktor umur yang relatif muda dan taraf pendidikan mereka yang rendah.

Jangkaan seramai 216 orang (38.65) buruh perikanan Indonesia untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik di Sabah merupakan antara obsesi yang mendorong mereka berhijrah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Obsesi yang mereka bangunkan itu merupakan harapan yang wajar memandangkan himpitan ekonomi di tempat asal selama ini yang amat mereka rasakan. Harapan mereka tersebut menjadi realiti apabila Sabah mampu memenuhinya. Buruh perikanan Indonesia yang telah mengecap kehidupan yang lebih baik mahu terus bekerja dalam perusahaan perikanan pukut tunda dan pukut jerut. Oleh sebab itu sebarang pujukan untuk berhijrah ke tempat yang lain untuk mendapatkan pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik kurang mendapat sambutan.

Pola Penghijrahan Buruh Perikanan Sulawesi ke Sabah

Penghijrahan yang dilakukan oleh buruh perikanan Sulawesi ke Sabah mempunyai polanya yang tersendiri, berbeza dengan pola penghijrahan yang dinyatakan dalam teori-teori migrasi sedia ada. Pertama, penghijrahan yang mereka lakukan merupakan penghijrahan langsung dari tempat asal ke tempat destinasi yang dituju, iaitu daerah-daerah perikanan di Sabah yang telah ditentukan sebelumnya. Dalam kes ini, penghijrahan berperingkat-peringkat seperti yang dinyatakan dalam Model Penghijrahan Ravenstein, iaitu proses penghijrahan yang dimulakan ke bandar yang berdekatan, seterusnya dari bandar kecil ke bandar yang lebih besar dan akhirnya ke bandar yang lebih pesat membangun tidak berlaku (Raveinstein, 1976).

Kedua, sesetengah buruh perikanan Sulawesi berhijrah secara berkumpulan untuk bekerja dalam perusahaan perikanan pukut tunda dan pukut jerut yang telah dijanjikan dengan pekerja lain dari tempat asal dan suku bangsa yang sama dengan mereka. Keadaan ini membolehkan mereka berhijrah tanpa

mengalami tekanan psikologi dan sosial yang membebankan sebagaimana lazimnya dirasai oleh para penghijrah untuk kali yang pertama. Seperti dinyatakan oleh Taufik Abdullah, mereka yang berhijrah meninggalkan tanah kelahiran dan keluar dari komuniti yang rapat lebih cenderung untuk berdepan dengan pelbagai penderitaan, sama ada dari segi ekonomi mahupun budaya, sebelum kesenangan yang disasarkan diperoleh (Taufik Abdullah, 1994).

Jadual 3: Taburan Responden Buruh Perikanan Asing Indonesia Mengikut Umur dan Tempoh Bekerja

Buruh Perikanan Indonesia	Tempoh Bekerja						Jumlah
	≤ 1 Tahun		1-3 Tahun		≥ 3 Tahun		
Umur	Bil	%	Bil	%	Bil	%	
≤ 19 tahun	28	14.9	17	9.4	11	6.0	56
20-24 tahun	67	35.8	82	45.3	49	26.9	198
25-19 tahun	45	24.1	43	23.8	47	25.8	135
30-34 tahun	28	15.0	22	12.2	52	28.6	102
≥ 34 tahun	19	10.2	17	9.4	33	18.1	69
Jumlah	187	33.4	181	33.3	182	33.5	560

Sumber: Data Kaji Selidik.

Ketiga, seperti yang dinyatakan oleh Hutt (1970) faktor penolak di tempat asal dan faktor penarik di tempat tujuan yang mempengaruhi tindakan seseorang untuk berhijrah, sukar dipastikan dalam konteks dikotomi yang mutlak. Keadaan yang sama juga berlaku dalam penghijrahan yang dilakukan oleh buruh perikanan Sulawesi ke Sabah. Bagaimanapun kemiskinan di tempat asal sukar dinafikan sebagai antara faktor yang sangat mempengaruhi keputusan buruh perikanan Sulawesi untuk berhijrah.

Oleh itu, selama keadaan sosioekonomi sesebuah daerah atau negara tidak mampu memberikan kehidupan yang lebih baik bagi rakyatnya, maka selama itu pula tindakan penghijrahan keluar daerah atau negara berkenaan akan berterusan. Mereka akan kekal berhijrah dengan kaedah apa pun juga termasuklah menyeberang sempadan (*border crossing migration*) seperti yang dinyatakan oleh Aswatini Raharto (1999) dan sanggup menghadapi pelbagai kebarangkalian yang tidak dijangkakan seperti ditunjukkan oleh buruh perikanan Sulawesi yang berhijrah ke Sabah. Selari dengan itu, daripada faktor penarik, Sabah merupakan daerah destinasi hijrah yang paling menepati harapan kerana dipercayai dapat memberi mereka kehidupan yang lebih baik. Seperti dinyatakan oleh Carunia Mulya Firdausy (1998), faktor ekonomi dan peluang kerja yang tersedia merupakan antara faktor yang menyebabkan Malaysia menjadi negara tujuan berhijrah pekerja Indonesia.

Jarak sememangnya mempunyai kaitan dengan penghijrahan. Seperti dinyatakan dalam Model Penghijrahan Ravenstein, semakin jauh jarak antara tempat asal dengan tempat yang dituju, semakin rendah kadar penghijrahan yang berlaku, dan jika berhijrah ke tempat yang agak jauh, kebanyakan penghijrah

memilih untuk berhijrah ke pusat-pusat perdagangan dan perindustrian. Model penghijrahan tersebut tidak sesuai diterapkan kepada buruh perikanan Sulawesi yang berpindah dari daerah yang sangat jauh, iaitu dari Wangi-wangi dan Kaledupa di Kepulauan Tukang Besi di Sulawesi Tenggara dan dari pelbagai daerah di kawasan Sulawesi Selatan. Meski pun jauh dari Sabah, kadar penghijrahan yang berlaku tidak berkurangan. Malahan majoriti buruh perikanan asing dalam perusahaan pukut tunda dan pukut jerut di Sabah, terdiri daripada para penghijrah yang datang dari kedua-dua kawasan Pulau Sulawesi tersebut.

Selain itu, penghijrahan jauh yang dilakukan oleh buruh perikanan Sulawesi tidak menuju ke pusat-pusat perdagangan dan industri, malah kekal di sektor pertanian yang merangkumi juga sektor perikanan. Selain Kota Kinabalu yang mungkin boleh disifatkan sebagai bandar perdagangan dan perindustrian, ke empat-empat daerah perikanan lain yang menjadi daerah tujuan penghijrahan buruh perikanan Sulawesi, iaitu daerah perikanan Kudat, Sandakan, Semporna dan Tawau merupakan daerah yang bukan menjadi pusat perdagangan dan perindustrian.

Dalam pada itu, mengikut Model Penghijrahan Lewis-Fei-Ranis, penghijrahan dari luar bandar yang bercirikan ekonomi pertanian ke bandar yang bercirikan ekonomi industri akan menyebabkan berlakunya pertukaran bidang kerana tenaga buruh yang berlebihan di sektor pertanian yang mempunyai produktiviti rendah. Namun demikian, teori migrasi Model Lewis-Fei-Ranis ini dikecualikan bagi buruh perikanan Sulawesi di Sabah, disebabkan oleh dua alasan. Pertama, penghijrahan yang mereka lakukan dari tempat asal di luar bandar yang bercirikan ekonomi pertanian bertujuan untuk memperoleh pekerjaan kekal dalam sektor pertanian (perikanan) seperti yang mereka cadangkan mengikut keterampilan yang mereka miliki. Kedua, daerah-daerah perikanan yang menjadi daerah tujuan penghijrahan mereka bukan merupakan daerah industri.

Ciri-ciri Penglibatan Buruh Perikanan Sulawesi Dalam Perusahaan Perikanan Komersial di Sabah

Berkenaan penglibatan buruh perikanan Sulawesi dalam perusahaan perikanan pukut tunda dan pukut jerut didapati beberapa ciri yang menonjol. Ciri yang pertama, penglibatan buruh perikanan Sulawesi bukan merupakan kepentingan buruh perikanan Sulawesi semata-mata, malah juga merupakan kepentingan majikan. Pada satu pihak buruh perikanan Sulawesi memerlukan pekerjaan untuk menghasilkan pendapatan dengan sasaran untuk mempertingkatkan taraf kehidupan ekonomi mereka. Sebaliknya pada pihak yang lain, majikan memerlukan buruh perikanan Sulawesi untuk mengoperasi bot-bot perikanan pukut tunda dan pukut jerut yang mereka miliki. Keperluan buruh perikanan Sulawesi untuk mempertingkatkan taraf kehidupan ekonomi mereka tunjukkan dengan langkah penghijrahan, sementara keperluan majikan terhadap buruh perikanan Sulawesi ditandakan dengan pengambilan langsung tenaga buruh perikanan asing berkenaan.

Ciri yang kedua, perusahaan pukut tunda dan pukut jerut merupakan sektor ekonomi yang memerlukan penanganan dan pengurusan yang tersusun

seperti lazimnya sektor ekonomi moden. Dalam pelaksanaannya, pembahagian bidang kerja dan tugas para pekerja ditetapkan mengikut kemahiran yang mereka miliki. Sifat pengurusan perusahaan yang tersusun sedemikian menyebabkan mekanisme pertanggungjawaban kerja dilakukan secara berperingkat-peringkat. "Sarang" sebagai ketua pekerja akan bertanggung jawab kepada majikan sebagai pemilik perusahaan dan ketua yang tertinggi, sementara para pekerja yang terdiri daripada "seken sarang" dan kelasi bertanggung jawab kepada "sarang".

Ciri yang ketiga, perusahaan pukut tunda dan pukut jerut merupakan aktiviti perikanan berkumpul yang mewajibkan kesepaduan, kerjasama dan keharmonian kerja di antara semua buruh perikanan yang terlibat. Ciri kerja yang sedemikian pada akhirnya mensyaratkan mereka sedapat-dapatnya memiliki keserasian dan persamaan pandangan, aspirasi dan semangat serta perasaan pengorbanan dan kepercayaan sesama sendiri. Itulah sebab buruh perikanan asing di Sabah lebih cenderung mengumpul di atas bot perikanan berdasarkan persamaan tempat asal dan suku bangsa.

Ciri yang keempat, aktiviti perikanan pukut tunda dan pukut jerut yang berteraskan vesel dan peralatan perikanan moden mengandungi tiga jenis kegiatan yang terdiri daripada kerja-kerja persiapan, penangkapan dan pendaratan sumber. Bagaimanapun, kedua-dua jenis aktiviti perikanan moden tersebut beroperasi dalam sistem yang berbeza, sama ada dari segi masa, bilangan pekerja yang terlibat, perkakas yang digunakan, kos yang diperlukan, sumber yang menjadi sasaran tangkap dan hasil yang diperoleh. Perbezaan dalam perkara yang pelbagai tersebut pada akhirnya membawa perbezaan dalam sistem pendapatan.

Hasil tangkapan dan nilai pendapatan operasi perikanan pukut tunda dan pukut jerut yang diperoleh oleh buruh perikanan Sulawesi dan majikan secara puratanya lebih baik daripada operasi perikanan pukut tunda. Bagaimanapun, tidak ramai pemodal dan pengusaha perikanan mengusahakannya memandangkan ia memerlukan kos dan perbelanjaan yang tinggi, terutamanya untuk peralatan dan perkakas. Di samping kos dan perbelanjaan yang tinggi, operasi perikanan pukut jerut juga mengandungi peringkat risiko yang juga tinggi terutamanya jika banyak peralatan dan perkakas yang rosak.

Ciri yang kelima, aktiviti perikanan pukut tunda dan pukut jerut diusahakan oleh dua kumpulan pemodal atau pengusaha, iaitu pemodal-pengusaha dan pemodal bukan pengusaha. Kumpulan yang pertama terdiri daripada para pemodal Cina dan tempatan yang terjun langsung mengendalikan perusahaan perikanan mereka mulai daripada pengambilan pekerja sehinggalah kepada penjualan hasil tangkapan. Sementara itu, kumpulan yang kedua terdiri daripada pemodal yang menyerahkan pengurusan perusahaan perikanan kepada orang lain yang dikenali sebagai juragan seperti yang didapati di daerah perikanan Semporna. Kumpulan pemodal-bukan pengusaha memadai menerima pembahagian hasil berdasarkan panggu dengan juragan, sementara juragan sendiri juga berbahagi hasil dengan para pekerja yang terlibat. Kumpulan pemodal-bukan pengusaha lebih cenderung menjalankan aktiviti perikanan dengan sistem yang sedemikian semata-mata untuk mengelak daripada beban pengurusan yang rumit, terutama apabila berhadapan dengan pekerja yang memiliki sikap dan karakter yang berbeza-beza.

Ciri yang keenam menunjukkan perikanan laut yang melibatkan buruh perikanan Sulawesi merupakan aktiviti perikanan yang unsur kepentingan ekonomi yang tinggi bagi majikan untuk memperoleh keuntungan sebanyak yang mungkin. Aktiviti perikanan laut di Sabah yang disifatkan seperti itu dapat dianggap sebagai aktiviti ekonomi kapitalis disebabkan sistem pendapatan yang diterapkan hanya akan menguntungkan pihak majikan semata-mata. Teori ekonomi fahaman Marxisme, misalnya, dengan jelas menunjukkan ciri-ciri kapitalis yang demikian. Misalnya, teori tentang "*surplus labour*" yang menyatakan golongan pekerja menerima gaji yang tidak setimpal dengan apa yang mereka lakukan.

Untuk mencapai keuntungan yang tinggi, majikan cuba memainkan strategi dengan mengekalkan penyertaan buruh perikanan Sulawesi dalam aktiviti perikanan yang mereka usahakan, dan menekan nilai pendapatan buruh perikanan asing mereka. Mengekalkan penyertaan buruh perikanan asing dalam aktiviti perikanan dilakukan oleh majikan dengan menerapkan sistem pendapatan yang pelbagai yang menawarkan nilai gaji tetap dan komisen yang berbeza-beza. Bagaimanapun, perbezaan kadar nilai kedua-dua sumber pendapatan tersebut antara satu majikan atau syarikat perikanan dengan majikan atau syarikat perikanan yang lain tidaklah signifikan. Dengan begitu, buruh perikanan asing Indonesia, tidak akan tertarik untuk berpindah ke majikan atau syarikat perikanan yang lain.

Kesusahan hidup yang dialami oleh buruh perikanan asing di tempat asal mereka membolehkan majikan menekan nilai pendapatan mereka, tetapi tidak terlampau rendah. Bagaimanapun, buruh perikanan asing beranggapan nilai pendapatan yang mereka peroleh masih belum mencukupi dan sebanding dengan kerja yang mereka jalankan. Oleh itu, mereka cuba mencari jalan keluar untuk meningkatkan pendapatan yang rendah itu dengan menjual sebahagian ikan hasil tangkapan di laut semasa operasi menangkap ikan dijalankan.

Majikan tahu bahawa buruh perikanan mereka menjalankan kegiatan haram tersebut, tetapi tidak terdaya untuk menegahinya, lebih-lebih lagi mengenakan hukuman ke atas mereka disebabkan ia dilakukan beramai-ramai oleh hampir ke semua buruh perikanan asing yang ada. Penglibatan semua buruh perikanan asing dalam kegiatan haram tersebut sememangnya mereka maksudkan untuk menyukarkan majikan mengambil tindakan pencegahan dan hukuman. Sementara itu, mengenakan hukuman ke atas semua mereka yang terlibat, termasuk dengan membuang mereka daripada kerja, mustahil boleh dilakukan oleh majikan kerana ia akan menyebabkan aktiviti perikanan yang mereka usahakan terhenti.

Walau bagaimanapun, buruh perikanan asing tidak akan menjual ikan di laut dalam kuantiti yang berlebihan. Oleh itu majikan beranggapan kadar pendapatan terendah yang diterima oleh buruh perikanan Sulawesi antara RM500.00 hingga RM700.00 sebulan termasuk daripada menjual ikan di laut adalah wajar dan berpatutan.

Oleh yang demikian, meskipun mungkin timbul imej di kalangan masyarakat awam bahawa buruh perikanan asing di Sabah dieksploitasi oleh majikan dengan bayaran gaji rendah, tetapi buruh perikanan asing memiliki jalan keluar sendiri yang menafikan diri mereka daripada dieksploitasi. Dalam hal ini kedua-dua pihak, iaitu majikan dan buruh perikanan asing merasa sama-sama berjaya dalam mencapai matlamat mereka. Majikan merasa berjaya menekan dan mengeksploitasi buruh dengan memberikan kadar gaji yang rendah, sebaliknya buruh juga merasa berjaya mendapatkan penghasilan tambahan dengan menipu majikan mereka.

Majikan lebih cenderung membiarkan pelanggaran menjual ikan di laut berterusan dan tidak akan menawarkan mereka kadar gaji yang lebih tinggi kerana itu belum tentu boleh mengatasi masalah. Mereka tidak percaya mentaliti yang demikian dapat dihilangkan seketika. Oleh itu, yang penting bagi mereka adalah memperhatikan dan menjaga pendapatan "sarang" agar tidak ikut terjejas dengan menawarkan mereka kadar gaji tetap dan insentif yang tinggi. Polisi ini mereka ambil memandangkan "sarang" merupakan ketua kumpulan pekerja yang berperanan sebagai penggerak utama semua aktiviti perikanan yang berkaitan.

Dengan menawarkan kadar gaji tetap dan insentif yang tinggi, "sarang" akan terdorong untuk mengarahkan pekerja yang terdiri daripada awak-awak atau kelasi untuk bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai prestasi kerja yang berkesan. Dengan strategi seperti ini, majikan akan menikmati pendapatan yang tinggi di samping ikut mencipta imej di kalangan pekerja bahawa mereka juga dieksploitasi oleh "sarang" untuk keuntungan dirinya sendiri.

Kesimpulan

Sistem ekonomi kapitalis yang diterapkan dalam perusahaan perikanan pukat tunda dan pukat jerut di Sabah, mengakibatkan buruh perikanan Sulawesi yang terlibat tidak boleh mempertingkatkan taraf kehidupan ekonomi mereka ke tahap yang maksimum. Pendapatan yang mereka peroleh hanya memadai untuk sekadar membolehkan mereka hidup. Mereka sememangnya tidak mungkin berjaya dalam erti yang sebenarnya meskipun sebahagian daripada pendapatan yang mereka peroleh itu mereka tabung. Walau pun demikian, mereka kekal melibatkan diri disebabkan kehidupan sebagai buruh perikanan asing di Sabah mereka anggap masih lebih baik berbanding kehidupan yang mereka rasai selama ini di tempat asal. Di sebabkan anggapan itu pula, mereka berpandangan rasional dan tidak ingin untuk berhijrah lagi ke tempat yang lain kerana kehidupan yang lebih baik yang mereka impikan di tempat yang baru belum tentu mereka dapatkan.

Nota hujung

¹ Taikong merupakan sebutan kepada ketua pekerja-pekerja bot perikanan pukat jerut yang mengatur, mengoperasi, dan mengendalikan kerja-kerja penangkapan ikan menggunakan pukat tunda dan pukat jerut. Untuk rujukan lanjut tentang 'taikong' dan peranan yang dimainkannya sila rujuk, (Yeap Hock Lai, 2005).

References

- A.M. Djuliaty Suroyo. (2007). *Sejarah Maritim Indonesia 1: Menelusuri Jiwa Bahari Bangsa Indonesia Hingga Abad ke 17*, Pusat Kajian Sejarah dan Budaya Maritim Asia Tenggara, Lembaga Penelitian Undip & Department Kelautan dan Perikanan RI. Semarang: Penerbit Jeda.
- Adhyaksa Dault. (2008). *Pemuda Kelautan*. Jakarta: PT Pustaka Cidesindo.
- Ahmadin. (2008). *Kapitalis Bugis: Aspek Sosio-Kultural dalam Etika Bisnis Orang Bugis*. Makassar: Pustaka Refleksi.
- Ahmadin. (2009). *Ketika Lautku Tidak Berikan Lagi*. Makassar: Rayhan Intermedia.
- Akhmad Fauzi. (2005). *Kebijakan Perikanan dan Kelautan: Isu, Sintesis dan Gagasan*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Arif Sateria, Anggraini, Eva, & Solihin, Akhmad. (2009). *Globalisasi perikanan: reposisi Indonesia?* Bogor: IPB Press.
- Aswatini Raharto, (et.al). (1999). *Migrasi dan Pembangunan di Kawasan Timur Indonesia: Isu Ketenagakerjaan*. Jakarta: PPT-LIPI, ANU and AID.
- Badan Pusat Statistik Provinsi Sulawesi Selatan. (2009). *Sulawesi Selatan dalam Angka 2008*. Makassar: U.D. Areso.
- Burhan Bahar. (2006). *Memilih dan Menangani Produk Perikanan*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Carunia Mulya Firdausy. (1998). Characteristics of Migrants and Determinant Factors of International Migration from Indonesia to Malaysia *International Migration in Southeast Asia: Trends, Consequences, Issues and Policy Measures* (pp. 195-203). Jakarta: The Toyota Foundation-Indonesia Institute of Sciences.
- Dedi S. Adhuri, & Ary Wahyono (Eds.). (2004). *Konflik-konflik Kenelayanan: Distribusi, Pola, Akar Masalah dan Resolusinya*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Pusat Penelitian Kemasyarakatan dan Kebudayaan.
- Dedi S. Adhuri (Ed.). (2005). *Fishing In, Fishing Out: Memahami Konflik-konflik Kenelayanan di Kalimantan Timur dan Nusa Tenggara Timur*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia.
- Edi Sigar. (2008). *Buku Pintar Indonesia*. Jakarta: Pustaka Delapratasa.
- H. Sudirman, & Achmar Mallawa. (2004). *Teknik Penangkapan Ikan*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.

-
- Hutt, W.H. (1970). *Immigration Under Economic Freedom*. In C. Wilson (Ed.), *Economic Issues in Immigration: An Exploration of the Liberal Approach to Public Policy on Immigration*. Cheltenham Glos: Institute of Economic Affairs.
- Indrawasih, Ratna (Ed.). (2004). *Pengelolaan Sumberdaya Laut Secara Terpadu (Co-Management): Evolusi Pengelolaan Model Co-Fish*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Pusat Penelitian Kemasyarakatan dan Kebudayaan.
- Johanes Widodo, & Suadi. (2006). *Pengelolaan Sumberdaya Perikanan Laut*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Kusnadi. (2009). *Keberdayaan Nelayan & Dinamika Ekonomi Pesisir*. Yogyakarta: Penerbit Ar-Ruzz Media.
- Kusnandi. (2007). *Jaminan Sosial Nelayan*. Yogyakarta: PT. LKIS Pelangi Aksara.
- Liviawaty, Eddy Afrianto & Evi. (2007). *Pengawetan dan Pengolahan Ikan*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Masyhuri Imron. (2002). *Pengelolaan Sumberdaya Laut Secara Terpadu: Masyarakat Nelayan dan Negosiasi Kepentingan*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Puslit Kemasyarakatan dan Kebudayaan.
- Masyhuri Imron, Sudiyono, & Surmiati Ali. (2005). *Manajemen Sumberdaya Laut dalam Perspektif Otonomi Daerah: Pengelolaan Berbasis Komunitas dalam Pelaksanaan Otonomi Daerah*. Jakarta: LIPI Press.
- Mohammad 'Azzam Manan. (2007). *Penglibatan Buruh Perikanan Asing Dalam Perusahaan Perikanan Pukat Tunda dan Pukat Jerut di Sabah*. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Yaakub Haji Djohari. (2002). *Profiles of Foreign Workers in Sabah: Policy Implications*. Paper presented at the Regional Security Risks and Challenges: The Role of Civil Society, 27 Julai 2002, Kota Kinabalu.
- Pim Schoorl. (2003). *Masyarakat, Sejarah dan Budaya Buton*. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Rabiatul Adawyah. (2007). *Pengolahan dan Pengawetan Ikan*. Jakarta: PT. Bumi Aksara.
- Ratna Indrawasih (Ed.). (2006). *Konflik-konflik Kenelayanan: Distribusi, Pola, Akar Masalah dan Resolusinya: Studi Kasus di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dan Kep. Riau*. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia.
- Ravenstein, E.G. (1976). *The Laws of Migration*. New York: Anno Press.
- Shaff Muhtamar. (2008). *Buku Cerdas Sulawesi Selatan*. Makassar: Pustaka Refleksi.
- Sugira Wahid. (2008). *Manusia Makassar*. Makassar: Pustaka Refleksi.
- Sukandarrumidi. (2009). *Mari Kembali Ke Laut: Mengenal Potensi Bahari yang Tak Habis Terkurus*. Yogyakarta: Yayasan Pustaka Nasatama.
- Taufik Abdullah. (1994). Pengantar. In Usman Pelly (Ed.), *Urbanisasi dan Adaptasi: Peranan Misi Budaya Minangkabau dan Mandailing*. Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial (LP3ES).
- Wahyono, S.K. (2009). *Indonesia Negara Maritim*. Jakarta: Teraju.

-
- Wilson, C., & Affairs, Institute of Economic. (1970). *Economic issues in immigration: an exploration of the liberal approach to public policy on immigration*: Institute of Economic Affairs.
- Yeap Hock Lai. (2005). *Penglibatan Buruh Perikanan Thai di Semenanjung Malaysia: Kajian Kesi di Tok Bali, Kelantan*. Master, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.